

# Malaysia hargai Soviet kerana dapat imbangi kuasa Amerika

SHAH ALAM 22 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia amat menghargai peranan Soviet Union di Asia Barat kerana ia dapat mengimbangi kuasa Amerika Syarikat.

Katanya, Malaysia tidak mahu Amerika Syarikat menjadi kuasa terkuat sehingga tiada pihak yang boleh menandinginya.

Menurut Perdana Menteri, jika ia berlaku, negara itu boleh melakukan apa sahaja tanpa mempedulikan pandangan pihak lain.

"Kita kluatir Amerika menjadi kuasa yang begitu kuat sehingga tidak ada pihak yang boleh menandinginya dan ia boleh buat apa sahaja sesuka hatinya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kilang Canon Opto (M) Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas campurtangan Soviet untuk menyelesaikan perang Teluk yang telah berlanjutan lebih sebulan.

Menurut Perdana Menteri, walaupun menghadapi berbagai masalah, Soviet bukan sahaja sanggup campurtangan untuk menyelesaikan perang Teluk, malah sanggup pula menentukan pendiriannya yang tidak sama dengan Amerika.

"Ini memberi nafas kepada kita kerana yang kita kluatir sekali ialah tidak ada imbalan antara Timur dan Barat dalam masalah masalah antarabangsa," tambah beliau.

Ditanya sama ada Malaysia sebagai negara anggota Pertubuhan Negara - Negara Islam (OIC) akan memberi sumbangan menyusun semula Asia Barat selepas perang tamat, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata:

"Setakat yang kita boleh, kita akan cuba memberi sumbangan."

Bagaimanapun, katanya, Malaysia bimbang sudah tidak ada imbalan lagi di Asia Barat kerana Iraq akan menjadi negara yang lemah.

**LIHAT NUKA 2**

## MALAYSIA HARGAI SOVIET

Akibatnya, kata Perdana Menteri, negara - negara Islam yang lain tidak akan mendapat lagi bekalan senjata dari Barat ataupun Soviet dan harga minyak tidak lagi dikawal oleh Pertubuhan Negara - Negara Pengeluar Minyak (OPEC).

"Dalam keadaan ini, Israel akan menjadi kuasa terbesar di situ dan kita akan menghadapi banyak masalah, seperti hendak menyelesaikan soal Palestin," ujarnya.

Bahkan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, negara - negara di Asia Barat akan terletak di bawah telunjuk satu kuasa yang telah membuktikan keupayaan menghancurkan mana - mana negara yang cuba mengadakan kuasa tentera yang besar.

Perdana Menteri juga menyambut baik kesediaan Iraq menerima cadangan damai Soviet.

"Kita harap Iraq betul - betul berundur daripada Kuwait secepat mungkin supaya tidak ada kematian yang sudah tentu sia - sia sahaja," tambah beliau.

Ditanya apakah Malaysia akan menghantar wakil ke Amerika Syarikat dan Britain supaya negara - negara itu menerima cadangan damai tersebut, beliau berkata:

"Peranan Malaysia sahaja tidak akan berkesan, kita akan berusaha melalui Bangsa - Bangsa Bersatu.

UM 22 FEB 1991